

Headline	Waspada, halang luka tertusuk jarum suntikan	Language	Malay
Date	17 Apr 2010	Page No	4
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)	Article Size	479 cm ²
Section	Tempatan	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	987
Frequency	Daily	PRValue	2,961
Circ / Read	29,826 / 97,836		



Waspada, halang luka tertusuk jarum suntikan

LUKA atau cedera akibat peralatan tajam dalam kalangan kakitangan penjagaan kesihatan di persekitaran klinikal semakin mendapat perhatian serius kebelakangan ini disebabkan wujudnya penyakit berjangkit seperti Hepatitis B dan Hepatitis C selain jangkitan HIV.

Menurut Cheah May Choo, Pengurus Pemasaran Bahagian Penjagaan Hospital B. Braun Medical Supplies Sdn Bhd, satu kajian yang dijalankan di sebuah hospital tempatan menunjukkan majoriti petugas yang terkena kecederaan ini ialah jururawat.

Antara kecederaan disebabkan peralatan perubatan ialah luka tertusuk jarum suntikan, kata beliau.

Antara jarum yang digunakan di hospital ialah jarum hipodermik (suntikan) untuk menyalur ubat atau mengambil sampel darah serta juga jarum fistula digunakan semasa rawatan hemodialisis.

Menurut Cheah, luka tertusuk jarum suntikan ialah kecederaan yang disebabkan jarum itu dengan tidak sengaja menembusi kulit.

“Kecederaan tertusuk jarum suntikan berbahaya bagi pekerja kesihatan yang bertugas menggunakan jarum hipodermik dan juga peralatan jarum-jarum perubatan lain.

“Tertusuk secara tidak sengaja oleh jarum yang tercemar boleh menyebabkan cecair atau bendalir toksik masuk ke dalam badan melalui kulit yang cedera, tetapi kemasukan cecair yang ada infeksi terutamanya darah adalah satu aspek yang amat membimbangkan”, kata beliau.

Walaupun cecair terinfeksi yang memasuki badan amat sedikit, akibatnya begitu besar kerana boleh

menyebabkan berlakunya penyakit.

Kata beliau kemalangan tersuntik darah mengandungi virus ialah satu aspek bahaya tertusuk jarum suntikan terutamanya virus yang menyebabkan AIDS, hepatitis B dan Hepatitis C.

Kata Cheah, kecederaan tertusuk jarum suntikan ialah aspek bahaya yang utama di hospital. Ada hospital yang melaporkan satu pertiga daripada petugas jururawat serta makmal mereka mengalami kecederaan itu setiap tahun.

Bagaimana kecederaan boleh berlaku?

“Kecederaan tertusuk jarum suntikan boleh terjadi semasa atau selepas menggunakan peralatan kerana beberapa faktor. Ini termasuk suasana tempat kerja, cara prosedur dilakukan, pengalaman pengendalian peralatan oleh petugas kesihatan serta pelupusan peralatan berkenaan.

“Biasanya kecederaan ini terjadi bila petugas cuba melupuskan jarum yang telah digunakan. Mereka akan menggunakan bekas khas untuk pelupusan jarum dan peralatan tajam. Kecederaan juga boleh terjadi bila peralatan dilupus di dalam bekas yang tidak sesuai atau peralatan tajam tercipir di tempat kerja,” kata Cheah.

Kata beliau, 30 peratus daripada kecederaan berlaku ketika petugas penjagaan kesihatan cuba melupuskan peralatan ke dalam bekas pelupusan.

Headline	Waspada, halang luka tertusuk jarum suntikan	Language	Malay
Date	17 Apr 2010	Page No	4
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)	Article Size	479 cm ²
Section	Tempatan	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	987
Frequency	Daily	PRValue	2,961
Circ / Read	29,826 / 97,836		

Kemalangan boleh berlaku bila peralatan sedang dibawa ke bekas pelupusan terutama bila jarum tiada penutup dan diletak bersama bahan buangan lain.

“Tusukan secara tidak sengaja boleh berlaku semasa memasukkan jarum ke dalam bekas pelupusan yang sudah penuh atau ketika mengosongkan bekas sebelum bahan buangan tajam dibawa ke tempat pelupusan.”

Bagi pekerja yang terlibat dalam tugas pembersihan serta pencucian ‘housekeeping serta portering’, kecederaan yang mereka alami ialah daripada jarum atau peralatan tajam yang tercipir atau tidak dilupuskan dengan betul di tempat kerja.

Pekerja pembersihan juga boleh tercedera ketika menguruskan beg-beg sampah yang mengandungi peralatan tajam yang tidak dilupuskan ke dalam bekas pelupusan.

Bagi menghalang jangkitan penyakit mudah berjangkit disebabkan jarum suntikan, kaedah yang paling efektif ialah menghalang kemalangan ini daripada berlaku.

Satu program pencegahan komprehensif bagi kemalangan itu meliputi latihan petugas, garis panduan disyorkan, prosedur menutup jarum secara selamat dan sistem pelupusan yang efektif.

Menurut Cheah, kebanyakan kecederaan tertusuk jarum suntikan boleh dihalang dengan penggunaan peralatan keselamatan. Kaedah lain ialah latihan dan pengetahuan bagi petugas serta kawalan amalan yang boleh merendahkan peratus kecederaan sedemikian sebanyak 90 peratus.

“Bertindak secara proaktif bagi mencegah

berlakunya luka tertusuk jarum suntikan atau peralatan tajam di tempat kerja anda. Bincanglah dengan majikan jika didapati tiada langkah-langkah kawalan terhadap aspek ini atau tiada langkah serta peralatan keselamatan.

“Sertailah evaluasi tentang peralatan keselamatan yang baru serta yang sedia ada dan cari ciri-ciri keselamatan”.

Kata beliau, satu daripada peralatan yang boleh menghalang kecederaan itu daripada terjadi ialah alat yang membolehkan jari-jari pengamal berada di belakang jarum pada setiap masa.



“Alat itu hendaklah senang diguna oleh mereka yang kidal atau sebaliknya,” tambah beliau.

‘Cedera Tertusuk Jarum Suntikan’ merupakan satu daripada topik yang akan dibincangkan pada Persidangan Keselamatan Dalam Penjagaan Kesihatan di sini pada 15-16 April. Persidangan itu dianjurkan Persatuan Penyakit Berjangkit dan Kemoterapi Malaysia serta Akademi Aesculap. – Bernama

“Tertusuk secara tidak sengaja oleh jarum yang tercemar boleh menyebabkan cecair atau bendalir toksik masuk ke dalam badan melalui kulit yang cedera, tetapi kemasukan cecair yang ada infeksi terutamanya darah adalah satu aspek yang amat membimbangkan.”

– Cheah May Choo

Headline	Waspada, halang luka tertusuk jarum suntikan	Language	Malay
Date	17 Apr 2010	Page No	4
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)	Article Size	479 cm²
Section	Tempatan	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	987
Frequency	Daily	PRValue	2,961
Circ / Read	29,826 / 97,836		



KIRI, tengah: Bekas khas yang digunakan bagi pelupusan jarum suntikan serta juga peralatan tajam di hospital.

Kanan: Antara jarum-jarum yang digunakan di hospital ialah jarum hipodermik (suntikan) untuk menyalur ubat atau mengambil sampel darah serta juga jarum fistula digunakan semasa rawatan hemodialisis.

